

MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT WILAYAH UDARA 2

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5139-majlis-tilawah-al-quran-peringkat-wilayah-udara-2

KUCHING, 24 Jun 19 - Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Markas Wilayah Udara 2 Bagi Tahun 2019 dengan tema Menyantuni Ummah Membawa Rahmat telah diadakan di Dewan Sri Angkasa Pangkalan Udara Kuching.

Pertandingan ini telah disertai oleh 11 orang pegawai dan anggota LLP dari MAWILUD 2, PU Labuan dan PUKALUB KK.

Johan bagi kategori Qariah bakat telah disandang oleh Puan Nisrinah binti Mohd Yusof dari Mawilud 2 manakala Johan kategori Qari LLP telah disandang oleh PW U ll Ahmad Ansoory bin Abd Aziz dari PU Labuan.

Johan kategori pegawai telah disandang oleh Mej Mohd Azlan bin Hashimi TUDM dari PU Labuan dan Johan keseluruhan telah dimenangi oleh PU Labuan. Semua pemenang dan piala pusingan telah di sampaikan oleh Panglima Wilayah 2, Mej Jen Dato' Hj Yazid bin Arshad TUDM.



